

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 5 Mac 2009

SOALAN

YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kedudukan terkini pelaksanaan projek Pusat Jagaan Kanak-kanak Komuniti. Nyatakan lokasi pusat-pusat jagaan ini dan sehingga tahun ini berapakah orang kanak-kanak telah bermanfaat di bawah program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan kemudahan pengasuhan untuk kanak-kanak yang berumur empat tahun ke bawah sebagai usaha kerajaan mempastikan kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah mendapat pengasuhan yang berkualiti dan terjamin. Tuan Yang di-Pertua, Kemudahan ini dikenali sebagai Taska Komuniti dan bukannya Pusat Jagaan Komuniti. Sehingga akhir Disember 2008, sebanyak 26 buah Taska Komuniti di seluruh negara telah diwujudkan dan memberi manfaat kepada seramai 340 orang kanak-kanak (179 orang lelaki dan 161 orang perempuan). Lokasi Taska Komuniti mengikut negeri adalah seperti berikut :- NEGERI JUMLAH BIL. KANAK-KANAK Selangor 5 106* Perak 2 6* Johor 2 9* Sarawak 2 13* W.P. Kuala Lumpur 3 62* Negeri Sembilan 2 44 Pahang 2 21* Sabah 1 -* Kedah 2 22* Kelantan 2 13* Melaka 1 6 Terengganu 1 11 Perlis 1 -* JUMLAH 26 313 * Baru diluluskan penubuhan pada Oktober 2008 dan pengambilan kanak-kanak belum dibuat

